



Anwar pada Majlis Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Perak di Dataran Kerian Parit Buntar, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

Penerimaan rakyat kepada gabungan PH-BN meningkat

PM tegaskan orang ramai sudah bijak, mampu menilai kesahihan berita

Oleh Muhammad Yusri Muzamir

yusri.muzamir@bh.com.my

Nibong Tebal: Datuk Seri Anwar Ibrahim optimis, keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) enam negeri yang berlangsung pada Sabtu ini, akan memihak kepada gabungan Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri merangkap Pengerusi PH, menyifatkan sentimen penerimaan rakyat kepada gabungan PH-BN ketika ini semakin meningkat berbanding tahun lalu.

Beliau yang juga Presiden

PKR, berkata orang ramai juga sudah bijak dan mampu menilai kesahihan berhubung fitnah membabitkan ancaman terhadap Islam yang sering dimainkan Perikatan Nasional (PN), sebelum ini.

"Dulu dia (rakyat) dengar semua yang negatif, 'Anwar akan tarik balik hak Islam' dan (sentimen) ini dijadikan fitnah hingga menjadi budaya serta orang percaya.

"Sebahagiannya sudah tengok (dakwaan berkaitan Islam terganggu) tak jadi. Pelajar tidak pakai skirt pun sekarang. Jadi, saya ingat itu mengubah (penerimaan orang ramai).

"Ada orang yang dulunya kata baik dengan PH, tetapi percaya pada tohmahan yang kita akan menjadi alat kepada DAP untuk menentang Islam jadi sekarang terbukti tidak," katanya ketika ditemui selepas beramah mesra bersama masyarakat Sungai Bakap di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan merangkap Ketua Wani-

ta PKR, Fadhlina Sidek.

Dalam perkembangan sama, Anwar menampik tindakan PN yang terus menggunakan slogan 'Bersih' sedangkan masa sama dipalit dengan pelbagai skandal rasuah, membabitkan nilai yang sangat besar.

"Dia (PN) kata 'Bersih' itu tiada sebab. Seperti kita ketahui, kenyataan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (membabitkan) menantu kepada calon Perdana Menteri mereka pun sudah lari.

"Mana boleh, kalau ada bukti, siasat dan dakwa. Kalau dia rasa tak bersalah, dia pertahankanlah. Lari bukan contoh yang baik.

"Kamu kena jagalah kerana jumlah (kes) yang dikaitkan dengan rasuah itu banyak. Jadi soal bersih, PN tak boleh guna bersih kerana mereka terlalu terpalit dengan (skandal) rasuah besar," kata Ahli Parlimen Tambun itu.